

16 APR 2003

Syria-Tuduhan/I

TUDUHAN TERHADAP SYRIA BAGI TUTUP KEGAGALAN, KATA DUTA BESAR SYRIA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

JMTM

AMMAN, April 16 -- Tuduhan kononnya Syria memiliki senjata kimia dan biologi serta membekalkan senjata dan peralatan moden kepada Saddam Hussein bertujuan memesonkan pendapat dunia terhadap pencerobohan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, kata Duta Besar Syria ke Jordan Abdul Fattah Ammourah.

Beliau berkata tuduhan yang dibuat oleh Amerika Syarikat itu juga bertujuan mengalih perhatian dunia terhadap Israel yang memang diketahui memiliki senjata pemusnah besar-besaran termasuk nuklear, selain senjata kimia dan biologi.

"Mereka mahu menutup kegagalan dan kesan peperangan. Terus terang saya katakan, mungkin mereka berjaya membuat kita sibuk dengan perkara itu.

"Kita tidak bercakap mengenai jumlah orang awam yang terbunuh (di Iraq), kita tidak bercakap mengenai kemusnahan, ketidakstabilan dan kekacauan (di Iraq)," katanya dalam temubual dengan Joint Media Team Malaysia di kedutaan Syria di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata Syria tidak bimbang dan tidak memberi perhatian kepada tuduhan seperti itu kerana mengetahui siapa dalang di belakang tabir.

Tuduhan itu mengalih perhatian dunia daripada membincangkan mengenai kuasa asing yang menduduki sebuah negara kerana pihak yang membuat tuduhan tidak mahu dunia mengkritik mereka, katanya.

"Dengan itu juga tiada siapa akan bercakap mengenai kekejaman di Palestin, tiada siapa mengkritik rejim Israel...," katanya.

Abdul Fattah berkata Amerika mahu mengalih perhatian dunia daripada menyaksikan mangsa di Iraq dan Palestin.

Matlamatnya adalah untuk mengalih pendapat umum daripada kejadian sebenar di Iraq.

Amerika juga menuduh media bersikap berat sebelah malah mengutuk mereka kerana membuat laporan yang tidak menyenangkan, katanya.

Abdul Fattah berkata bagi Amerika, mana-mana pihak yang ingin bersama mereka perlu menerima apa sahaja yang ditentukan olehnya.

"Di manakah kebebasan, di manakah kewajaran, keadilan dan prinsip," katanya.

Duta Besar itu berkata pihak yang menuduh juga mahu menguasai minyak.

"Kita lihat kesan selepas pencerobohan, berlaku kecurian dan sebagainya kecuali di kawasan telaga minyak, dan kini mereka telah memulakan perancangan untuk pemberian kontrak pembangunan semula benda penting itu," katanya.

Abdul Fattah berkata Amerika telah menyatakan mereka mahu mempertahankan demokrasi tetapi mereka perlu ingat bahawa ia tidak seharusnya dilakukan secara paksa.

"Demokrasi adalah simbol pemerintahan oleh rakyat, tidak ada demokrasi di bawah pendudukan. Ini semata-mata pendudukan," katanya.

Abdul Fattah menghargai pendirian terbuka dan jelas Malaysia agar krisis Iraq diselesaikan secara aman dan bukan dengan berperang.

"Ini membuktikan komitmen rakyat Malaysia kepada penyelesaian aman terhadap masalah di Iraq dan ini juga yang kami suarakan.

"Kami berpendapat ia dihargai dan diterima bukan sahaja di dunia Arab tetapi juga dunia Islam dan masyarakat dunia akan mengingati pendirian itu," katanya.

Beliau berharap dunia akan terus berusaha secara efektif bagi memastikan hak rakyat Iraq untuk mentadbir negara mereka secara bebas dan membawa kembali keamanan, kestabilan, keselamatan, demokrasi dan kebebasan.

Abdul Fattah juga berkata Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) kini berada di tangan pengerusi yang mantap dan percaya pendirian Malaysia terutama terhadap krisis Iraq akan terus menyaksikan peranan penting dimainkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia akan efektif dan kita harap ia akan terus efektif dan mungkin masanya telah tiba bagi kita menyedari musuh bersama," katanya.

Duta Besar itu berkata NAM telah memainkan peranan penting kepada pihak yang berkongsi masalah untuk membangun dan maju serta memerangi masalah penjajahan.

"Saya yakin dengan pergerakan negara-negara berkecuali, dengan orde baru dunia yang berbaur `bersama kami akan menentang kami', saya percaya semua akan menjadi sasaran.

"Menjadi tanggungjawab kita untuk bekerjasama dan menyelaraskan pendirian agar lebih efektif dengan mengukuhkan perpaduan, mengekalkan prinsip dan nilai keamaman, kestabilan, keselamatan dan pembangunan...", katanya.

-- JMTM